

KESELAMATAN PENGAKAP: KOD AMALAN

Memastikan semua aktiviti diluluskan, dijalankan dan diselia mengikut POR PPM, Polisi Pengurusan Risiko PPM dan Kod Keselamatan Negara.

- Mengenal pasti bahaya dan membincangkan bagaimana ia akan diuruskan untuk mengurangkan risiko (lihat fakta Aktiviti - Penilaian Risiko; Senarai semak Kekal Selamat untuk Pengurus, Jawatankuasa Eksekutif dan Pemimpin Bahagian).
- Pastikan semua mesyuarat, acara atau aktiviti mempunyai pemimpin yang dikenal pasti bertanggungjawab yang mengawasi aktiviti, semua orang dewasa dan orang muda. Ini termasuk tanggungjawab untuk mendaftar jumlah, peruntukan, peranan orang dewasa tertentu dan mereka menyedari tanggungjawab khusus mereka (lihat maklumat pemimpin yang bertanggungjawab di Pengakap.org/keselamatan). Cara terbaik untuk melakukan ini adalah untuk semua orang dewasa yang akan terlibat dalam aktiviti untuk bersetuju yang mana salah seorang daripada mereka akan menjalankan peranan ini. Lakukan - beri Latihan dan bimbingan serta edarkan peraturan yang sesuai kepada golongan muda dan orang dewasa.

Bersedia untuk menangani sebarang kemalangan (mempunyai kit pertolongan cemas, sistem InTouch yang mantap dan butiran hubungan kecemasan yang berkaitan).

Pertimbangkan apa-apa keperluan tambahan mereka yang mengambil bahagian.

Lakukan semakan aktiviti jika keadaan atau peralatan berubah dengan ketara.

Jangan takut untuk memberhentikan atau mengubah aktiviti yang dijalankan oleh anda atau pemimpin lain.

Jangan letakkan keperluan anda melebihi keperluan orang muda. Pastikan aktiviti bersesuaian untuk golongan muda yang terlibat.

Jangan remehkan kebimbangan yang dinyatakan oleh orang dewasa atau orang muda.

Jangan beranggapan bahawa orang lain menguruskan keselamatan - sentiasa peka kerana anda bertanggungjawab.

Cari cara yang paling berkesan dan sesuai untuk kawalan terhadap risiko yang dikenal pasti.



KAD UNGGU

***KESELAMATAN PENGAKAP
PERLINDUNGAN PENGAKAP
KOD AMALAN***

**APA YANG PERLU
DILAKUKAN DALAM
KEADAAN
KECEMASAN**

Kad Ungu memberikan sokongan untuk Keselamatan Pengakap dan panduan dalam prosedur untuk menangani kecemasan

KECEMASAN DAN DARURAT

Apa yang perlu lakukan?

Sekiranya berlaku kejadian:

1. Menangani keadaan seberapa segera dan memaklumkan serta memberi laporan kepada pihak perkhidmatan kecemasan yang sesuai, jika diperlukan.

2. Maklumkan kepada Pesuruhjaya atau ketua aktiviti/program/Latihan anda.

3. Maklumkan kepada individu - individu hubungan kecemasan mangsa yang terlibat.

4. Jika anda berada di luar negara, maklumkan kepada pihak Kedutaan atau mana-mana agensi yang diperlukan oleh syarikat insurans.

5. Bagi insiden yang melibatkan aktiviti udara atau aktiviti air di perairan pantai atau laut dalam, sila maklumkan kepada Agensi Kerajaan yang berkenaan.

6. Maklumkan kepada Ibu Pejabat PPM secepat mungkin jika:

- Seseorang itu mengalami kecederaan atau mengidap penyakit peribadi yang memerlukan doktor, jururawat, paramedik, doktor gigi atau hospital.
- Seseorang itu memerlukan perkhidmatan kecemasan.
- Harta benda pihak ketiga rosak. Anda perlu memberikan maklumat asas mengenai kejadian itu termasuk maklumat mengenai pihak yang cedera, apa yang berlaku, di mana ia berlaku dan siapa yang melaporkan kejadian itu.

Sekiranya berlaku kejadian kritikal (yang melibatkan kehilangan nyawa, hampir kehilangan nyawa atau keruntuhan struktur):

1. Menangani keadaan dengan segera dan memberi tahu kepada perkhidmatan kecemasan yang sesuai, jika diperlukan.
2. Melaporkan kepada Ibu Pejabat PPM (anda perlu memberikan gambaran asas kejadian, yang terlibat, di mana kejadian itu berlaku dan maklumat Kumpulan). Pihak pentadbiran dan Pengurus Insiden Kritikal akan membantu anda dan membimbing anda melalui pengurusan kejadian.

TINDAKAN DAN PERKARA YANG PERLU

DIBUAT

Perkara utama:

- Simpan rekod tindakan dan komunikasi, termasuk butiran saksi lain yang mungkin telah melihat apa yang berlaku.
- Bertenang dan minta sokongan jika perlu.
- Rujuk semua maklumat kepada Pegawai Media Tugas dan dapatkan kebenaran sebelum bercakap dengan media dengan menghubungi Ibu Pejabat PPM.
- Jangan membuat sebarang pengakuan liabiliti.
- Jangan mulakan hubungan dengan media berita.
- Jangan cuba menangani perkara dengan sendiri.

JIKA ANDA RAGU-RAGU TENTANG APA YANG PERLU DILAKUKAN, HUBUNGI:

Ibu Pejabat PPM - termasuk pemberitahuan insiden, insiden kritikal siapa yang bertugas dan melaporkan kepada Pegawai Meja yang bertugas

di talian: +603-2022 1029

+603-2072 0152

di E-mel: pengakap@scouts.my

DASAR KAMI

Menyediakan Ahli Pengakap menyertai program, aktiviti dan Latihan dengan cara yang selamat tanpa risiko kepada kesihatan serta kesejahteraan mereka setakat yang munasabah dan boleh dipraktikkan bersama.